

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dan untuk mengadakan peruntukan bagi pengesahan perbuatan-perbuatan tertentu yang dibuat di bawahnya, dan perkara-perkara bersampingan lain yang berhubungan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2— Pindaan seksyen 2. Akta 239.
 - (a) dengan memasukkan selepas takrif "gaji yang akhir diterima" takrif yang berikut:

' "Kumpulan Wang Simpanan Pekerja" ertinya kumpulan wang simpanan yang ditubuhkan di bawah

Akta 452 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, termasuk sesuatu kumpulan wang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu;;

- (b) dalam takrif "Skim Baru", dengan memasukkan selepas perkataan "kemudiannya yang dibuat" perkataan "atau diluluskan"; dan
- (c) dengan menggantikan noktah di hujung takrif "Skim Baru" dengan koma bernoktah dan memasukkan selepas takrif itu takrif yang berikut:

' "Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja" ertinya suatu skim yang di bawahnya seseorang pekerja terhenti menjadi layak diberi taraf pekerja berpencen atau terhenti menjadi pekerja berpencen dan sebagai ganti dikehendaki mencarum, bersama-sama dengan majikannya, kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.'

Pindaan
seksyen 6A.

3. Seksyen 6A Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (7).

Seksyen baru
6A, 6C dan 6D.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6A seksyen yang berikut:

“Pekerja berpencen boleh memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

6B. (1) Seseorang pekerja—

- (a) yang telah diberi taraf pekerja berpencen di bawah seksyen 6 atau disifatkan menjadi pekerja berpencen di bawah perenggan (a), (b) atau (c) seksyen 7; atau
- (b) yang telah dilantik sebelum 12hb April 1991 dan belum diberi taraf pekerja berpencen,

boleh memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(2) Opsyen di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa melantik yang berkenaan mengikut sesuatu cara yang diluluskan oleh pihak berkuasa pencen.

(3) Pelaksanaan opsyen oleh seseorang pekerja di bawah seksyen ini hendaklah mula berkuatkuasa apabila opsyen itu disetujui terima oleh pihak berkuasa melantik yang berkenaan dan hendaklah pada ketika itu menjadi muktamad.

(4) Seseorang pekerja berpencen hendaklah terhenti menjadi pekerja berpencen apabila opsyennya mula berkuatkuasa.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6), peruntukan-peruntukan Akta ini, khususnya subseksyen (1) seksyen 8, hendaklah terhenti terpakai bagi seseorang pekerja berpencen apabila opsyennya mula berkuatkuasa.

(6) Subseksyen (5) dan (6) seksyen 6A dan seksyen 6C dan 6D hendaklah terpakai bagi seseorang pekerja yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah seksyen ini.

Caruman ke-
belakangan
kepada
Kumpulan
Wang
Simpanan
Pekerja.

6C. Seseorang majikan hendaklah membuat caruman, berkenaan dengan setiap pekerja berpencen yang opsyennya telah mula berkuatkuasa, kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar tujuh belas peratus setengah daripada gaji bulanan pekerja itu bagi setiap bulan dalam tempoh yang bermula pada tarikh pekerja itu menjadi pekerja berpencen di bawah seksyen 6 atau seksyen 7 dan berakhir pada tarikh dia terhenti menjadi pekerja berpencen di bawah seksyen 6B.

Majikan
boleh me-
nawarkan
Skim
Kumpulan
Wang
Simpanan
Pekerja.

6D. Bagi maksud Akta ini, adalah sah bagi seseorang majikan menawarkan kepada pekerjanya opsyen untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah seksyen 6B."

Pengesahan.

5. (1) Tiap-tiap tawaran oleh seseorang majikan kepada seseorang pekerja untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan tiap-tiap opsyen yang dibuat oleh seseorang pekerja yang memilih Skim itu yang menjadi sah jika peruntukan-peruntukan Akta ini telah berkuatkuasa pada masa tawaran atau opsyen itu dibuat adalah dengan ini disahkan dan diisytiharkan teiah dibuat dengan sah.

(2) Tiap-tiap pekerja yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebelum Akta ini mula berkuatkuasa dan yang opsyennya diisytiharkan di bawah subseksyen (1) telah dibuat dengan sah hendaklah disifatkan telah terhenti menjadi layak diberi taraf pekerja berpencen atau terhenti menjadi pekerja berpencen pada tarikh opsyen sedemikian mula berkuatkuasa.

HURAIAN

Rang Undang-Undang jni bertujuan meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 ("Akta").

2. *Fasal 4* bermjukan memasukkan tiga seksyen baru, iaitu seksyen 6B, 6C dan 6D ke dalam Akta. Seksyen 6B yang dicadangkan membolehkan pekerja berpencen sesuatu pihak berkuasa berkanun atau tempatan secara sukarela menyerahkan hak pencennya dengan memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Opsyen yang dilaksanakan oleh pekerja itu di bawah peruntukan ini mesti dibuat kepada pihak berkuasa melantik yang berkenaan mengikut cara yang diluluskan oleh pihak berkuasa pencen dan tidak boleh ditank balik.

Di bawah seksyen 6c yang dicadangkan, sesuatu pihak berkuasa berkanun atau tempatan dikehendaki membuat caruman kebelakangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berkenaan dengan setiap pekerja berpencen yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman ini adalah bagi tempoh yang bermula pada tarikh pekerja itu menjadi pekerja berpencen dan berakhir pada tarikh dia terhenti menjadi pekerja berpencen di bawah seksyen 6B.

Di bawah seksyen 6D yang dicadangkan, sesuatu pihak berkuasa berkanun atau tempatan dibenarkan menawarkan kepada pekerja-pekerja berpencennya suatu opsyen untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

DAN TEMPATAN (PINDAAN)

3. *Fasat 5* bertujuan untuk mengesahkan apa-apa tawaran yang mungkin telah diberikan sebelum Akta yang dicadangkan ini mula berkuatkuasa kepada pekerja mana-mana pihak berkuasa berkanun atau tempatan untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dan untuk mengesahkan apa-apa opsyen yang dibuat oleh pekerja sedemikian yang memilih Skim itu.
4. Pindaan-pindaan lain adalah pindaan-pindaan yang kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1795.]